

05/05/2005

MAHATHIR-TAMBATAN

TIDAK PERLU APUNGKAN RINGGIT, KATA TUN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Kerajaan boleh menaikkan nilai ringgit tanpa perlu mengapungkan mata wang tersebut, kata bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

"Kalau kerajaan nak perkuat ringgit, dia (kerajaan) boleh perkuatkan kepada RM3.5 ke atau RM3 berbanding satu dolar AS, barulah peniaga mata wang tak boleh buat apa-apa kerana apa juga yang mereka lakukan ringgit akan kekal seperti yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

Peniaga mata wang tidak boleh melonggokkan ringgit sekiranya negara mempunyai mekanisme seumpama itu tetapi jika ringgit diapungkan, kemungkinan terdapat ancaman yang sama daripada peniaga mata wang seperti sebelum ini, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau juga berkata nilai semasa ringgit tidak bergantung kepada nilai pasaran.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai memberi reaksi kepada komen sesetengah pihak bahawa kerajaan boleh menarik balik tambatan ringgit, tetapi mereka bimbang peniaga mata wang akan melonggokkan ringgit sebaik sahaja kerajaan menarik balik tambatan itu.

Beliau terdahulunya melancarkan buku "Into The Ice," yang ditulis oleh Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, di satu majlis anjuran PENIAGAWATI atau Persatuan Wanita Bumiputra dalam Perniagaan dan Kerjaya, di sini, hari ini.

Sharifah Mazlina, yang mengetuai Biro Sukan dan Rekreasi PENIAGAWATI menjadi wanita pertama Asia yang menyeberangi Antartika dalam ekspedisi pelayaran ski solonya pada Disember 2004.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata terpulang kepada kerajaan untuk memutuskan sama ada menaikkan nilai ringgit atau tidak.

Beliau berkata semasa kerajaan menetapkan ringgit pada 3.8 bagi satu dolar AS pada 1998 untuk melindungi mata wang itu ketika krisis kewangan Asia, ia telah mengatakan bahawa ia akan memantau pergerakan mata wang lain.

"Saya yakin kerajaan berbuat demikian, mereka perlu memantau mata wang negara-negara jiran, nilai dolar AS, euro, pound dan yen.

"Ini adalah perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat mendapat faedah terbaik dalam menggunakan mata wang mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi ekspedisi Antartika berkata negara-negara lain, rakyatnya cenderung menggunakan mata wang asing iaitu dolar AS, "tetapi di Malaysia tiada siapa yang menggunakan mata wang asing kerana mata wang kita sangat stabil dan kukuh."

Apabila ditanya sama ada ia (kenaikan nilai ringgit) merupakan satu cadangan kepada kerajaan, Dr Mahathir menjawab: "bukan, bukan,,,saya bukan lagi perdana menteri, saya tiada sebarang cadangan, tetapi mekanisme itu telahpun dilaksanakan."

Sejak beberapa bulan ini spekulasi tersebar luas bahawa kerajaan akan menarik balik tambatan ringgit berikutan penurunan nilai dolar AS.

--BERNAMA

TNS FR ZK